

CNS3361

R GB 24-10 00173 BB224

BAH

LANGKAWI PERLU BANYAK TEMPAT PENGINAPAN MURAH , KATA MAHATHIR

Mahathir - Penginapan

LANGKAWI, 24 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati para pengusaha chalet yang kecil membanyakkan tempat penginapan murah yang lebih tertutur dan selesa untuk menarik para pelancong melawat lebih kerap ke pulau ini.

Katanya, sikap para pengusaha chalet dan tempat penginapan yang mementingkan keuntungan jangka pendek tanpa menyediakan kemudahan penginapan yang lebih selesa dan lebih teratur tidak dapat menarik pelancong dalam jangka panjang.

Perdana Menteri yang melakukan lawatan sambil kerja sehari suntuk di sini hari ini memberitahu pemberita bahawa kemajuan Langkawi banyak beryantung kepada bilangan pelancong yang mengunjung pulau itu untuk menikmati keindahan alam semulajadinya.

Katanya, ini terbukti apabila bilik hotel sewa murah di D'Lima Resort, di Pantai Chenang, sentiasa dipenuhi antara 2,000 dan 3,000 orang pelancong setiap hari.

Dr Mahathir memberi jaminan bahawa kerajaan akan menimbang memberi kemudahan modal kepada para pengusaha chalet yang berminat mendirikan hotel sewa murah yang lebih selesa. -- Lagi.

▼24/10/17-03MST

CNS3370

R GB 24-10 00182 BB225

BAH

Mahathir - Penginapan 2 (Akhir) Langkawi

Dr Mahathir berkata, kerajaan membelanjakan kira-kira \$1,000 juta untuk pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air, lapangan terbang dan sebagainya semata-mata untuk memajukan Langkawi dan kerajaan tidak dapat satu sen pun kerana Langkawi ialah kawasan perdagangan bebas cukai.

Perdana Menteri berkata, ramai pelancong datang ke Langkawi menaiki kapal terbang dan ini dapat dilihat daripada pertambahan bilangan penerbangan ke sini daripada 7 penerbangan ke 12 penerbangan sehari.

Katanya, kerajaan sedang mengka jir rancangan membuka kawasan perdagangan tukar barangan dengan Thailand dan Myanmar di Teluk Ewa.

Mengenai pembukaan gerai perniagaan di Telaga Air Hangat, beliau berkata, tempat itu berpotensi menjadi kawasan perniagaan yang maju dan berharap lebih ramai peniaga yang menjalankan perniagaan di gerai-gerai lama dan buruk supaya berpindah ke gerai-gerai baru itu.

Mengenai pembinaan tapak pameran udara Langkawi 1993 (LIMA 93) Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak dapat menerima syor supaya dibelanjakan \$25 juta bagi maksud itu kerana jumlah itu melebihi peruntukan asal \$10 juta.

Katanya, beliau mempunyai pandangan sendiri untuk mengurangkan perbelanjaan itu dengan menswastakannya. -- Bernama.

▼24/10/17-25MST

CNS3395